
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

PGM 261 - PENGURUSAN ORGANISASI PENDIDIKAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN:

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Jika calon menjawab lebih daripada **EMPAT (4)** soalan, hanya **EMPAT (4)** soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. Dalam kajian yang dibuat oleh Henry Mintzberg dan diterbitkan dalam bukunya *The Nature of Managerial Work (1973)*, beliau telah mengenal pasti 10 peranan pengurus. Peranan ini telah dibahagikan kepada tiga kategori: *interpersonal; informational; dan decisional*.
 - (a) Secara ringkas, jelaskan **LIMA (5)** daripada peranan pengurus tersebut mengikut kategori yang dikelaskan.

(10 markah)
 - (b) Berdasarkan **LIMA (5)** peranan yang telah anda jelaskan dalam soalan (a), huraikan peranan yang boleh dilakukan oleh pengetua dalam konteks pengurusan sekolah dengan contoh-contoh yang sesuai.

(15 markah)

2. Dalam contoh Model Perancangan dan Kawalan Sekolah terdapat sembilan kategori penting yang perlu dilakukan oleh pihak sekolah untuk mencapai misi dan wawasan sekolah.
 - (a) Nyatakan **LIMA (5)** kategori tersebut.

(5 markah)
 - (b) Huraikan **LIMA (5)** daripada kategori tersebut dengan contoh-contoh yang sesuai.

(20 markah)

3. Komunikasi merupakan salah satu aspek penting dalam pengurusan organisasi sekolah.
 - (a) Jelaskan **EMPAT (4)** jenis komunikasi yang wujud dalam organisasi sekolah.

(10 markah)
 - (b) Pilih **DUA (2)** daripada **EMPAT (4)** jenis komunikasi di atas dan huraikan kepentingan serta peranan komunikasi tersebut dalam konteks pengurusan sekolah dengan contoh-contoh yang sesuai.

(15 markah)

4. Pertambahan kerja dan tuntutan untuk meningkatkan prestasi pelajar sering menimbulkan stres dalam kalangan guru.
- (a) Jelaskan maksud stres dalam organisasi. (5 markah)
- (b) Terangkan **TIGA (3)** teknik pengurusan stres yang boleh dilakukan oleh guru untuk mengatasi masalah ini dengan contoh-contoh yang sesuai. (20 markah)
5. Berdasarkan idea Jung (1971) dan aplikasi Mitroff dan rakan-rakan dlm. Felkins, Chakiris & Chakiris (1993) telah membina empat kuadran perspektif perubahan.
- (a) Nyatakan keempat-empat kuadran perspektif perubahan tersebut. (8 markah)
- (b) Dengan menggunakan salah satu perspektif di atas, bincangkan satu perubahan yang berlaku di sekolah dari sudut konteks, teknologi, koordinasi dan keputusan. (17 markah)